

Soalan Lazim (Frequently Ask Question)
Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS)

1. Adakah KTYS sebuah IPTA atau IPTS?

Jawapan:

KTYS adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan pada tahun 1990 sejajar dengan objektif utama Yayasan Sabah yang termaktub dalam Enakmen Yayasan Sabah, No.8, 1966 Seksyen 3 iaitu memberi penekanan terhadap kemajuan Pendidikan, Latihan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Sabah disamping mengekalkan nilai-nilai dan budaya negeri Sabah.

2. Siapakah pemilik KTYS?

Jawapan:

KTYS adalah milik penuh Yayasan Sabah yang diuruskan oleh KKYS Sdn. Bhd.

3. KTYS terletak di mana?

Jawapan:

KTYS terletak di Kota Kinabalu, Sabah dan mempunyai Dua (2) kampus iaitu **Kampus Bandaraya Sembulan**, beroperasi sebagai kampus utama yang menjalankan program-program pengurusan serta **Kampus Pengajian Teknikal Likas**, menjalankan program-program teknikal dan latihan kemahiran.

4. Siapakah yang layak mendapat pinjaman/biasiswa/dermasiswa di KTYS?

Jawapan:

Semua pelajar bertaraf Warganegara Malaysia yang menjalankan pengajian di KTYS layak membuat permohonan pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Manakala, pelajar yang lahir di Sabah dan ibu atau bapa pemohon yang lahir di Sabah dan menetap di Sabah, layak memohon pinjaman, biasiswa atau dermasiswa daripada sama ada Yayasan Sabah.

Selain agensi penaja pengajian di atas, pelajar KTYS juga boleh memohon mana-mana pembiayaan dari mana-mana agensi lain. Walau bagaimanapun, semua permohonan adalah tertakluk pada syarat dan kelulusan agensi pembiayaan.

5. Adakah KTYS mempunyai kemudahan asrama?

Jawapan:

KTYS menyediakan kemudahan asrama dan kadar asrama yuran mengikut jenis program pengajian (*tertakluk kepada tempoh pengajian*). Tempat adalah terhad dan keutamaan diberikan kepada pelajar baharu. Walau bagaimanapun pelajar kanan yang ingin mendapatkan kemudahan asrama boleh mengemukakan permohonan kepada Unit Kediaman.

6. Apakah kemudahan asas yang disediakan oleh KTYS?

Jawapan:

Jenis-jenis kemudahan yang disediakan oleh KTYS adalah seperti berikut:

- Asrama
- Perpustakaan
- Makmal komputer
- Kafeteria
- Surau
- Perlindungan insuran secara berkumpulan
- Pengangkutan

7. Apakah perkhidmatan yang disediakan oleh KTYS kepada pelajar?

Jenis-jenis perkhidmatan yang disediakan oleh KTYS kepada pelajar adalah seperti berikut:

- Unit Bimbingan Dan Kaunseling
- Unit Latihan Industri
- Unit Kebajikan Pelajar

Layarilah web atau laman sosial rasmi KTYS untuk mendapatkan maklumat tentang prasarana tersebut.

8. Apakah program pengajian yang ditawarkan oleh KTYS?

Jawapan:

KTYS kini menawarkan dua (jenis) program pengajian, seperti berikut:

- a) Program akademik dalam peringkat sijil dan diploma
- b) Program kemahiran dalam peringkat sijil dan diploma.

Informasi program yang ditawarkan boleh dirujuk dalam laman web rasmi KTYS di www.ktys.edu.my

9. Adakah program-program yang ditawarkan mendapat pengiktirafan?

Jawapan:

Semua program yang dijalankan di KTYS adalah mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) tertakluk pada Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679). Sila rujuk laman web MQA: <https://www2.mqa.gov.my/mqr/> dan buat semakan seperti berikut:

- i. **Program Akademik** (sila buat carian **Kolej Teknikal Yayasan Sabah** di menu *Institusi Swasta*)
- ii. **Program Kemahiran** (sila buat carian **Kolej Teknikal Yayasan Sabah** di menu *Senarai Kelayakan Kemahiran Malaysia JPK*)

10. Apakah kelayakan minimum untuk masuk ke KTYS?

Jawapan:

Kelayakan minimum untuk melanjutkan pengajian di KTYS adalah Lulus SPM dengan 3 kredit dalam mana-mana mata pelajaran atau setara (bergantung pada kursus yang dipohon) **KECUALI** bagi Asasi Sains yang memerlukan 5 kredit termasuk Matematik dan salah satu mata pelajaran Sains Fizikal bagi program Akademik dan Lulus PT3 atau setara bagi program Kemahiran.

11. Bagaimana KTYS menguruskan semua hal-hal pelajar dan alumni?

Jawapan:

Secara amnya semua hal ehwal pelajar termasuk alumni KTYS diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Kemasukan Pelajar Baharu adalah diuruskan oleh Jabatan Pemasaran dan semua urusan pendaftaran pelajar pula diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Akademik & Kemahiran (JPAK), termasuk menyediakan Kad Pelajar, hal-hal permohonan, tangguh pengajian dan pertukaran program.

12. Bagaimana cara memohon kemasukan ke KTYS?

Jawapan:

Layari laman web www.ktys.edu.my dan lengkapkan borang permohonan secara *online*. Pemohon boleh menyemak status kemasukan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

13. Bilakah sesi kemasukan pelajar baharu di KTYS?

Jawapan:

Sesi kemasukan pelajar baharu adalah tertakluk pada jadual kemasukan mengikut program seperti berikut:

- Program Akademik bermula pada Bulan Disember dan Jun setiap tahun.
- Program Kemahiran adalah tertakluk pada **jadual ambilan** dan **kuota pelatih** tertakluk pada jenis kemahiran.

Pemohon boleh kemukakan permohonan melalui laman web www.ktys.edu.my pada bila-bila masa sepanjang tahun.

14. Adakah KTYS hanya menerima pelajar berstatus Bumiputera sahaja?

Jawapan:

Tidak. Kemasukan ke KTYS adalah terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia.

15. Apakah perbezaan antara Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) dan University College Sabah Foundation (UCSF)?

Jawapan:

Kolej Teknikal Yayasan Sabah (www.ktys.edu.my) yang diuruskan oleh KKYS Sdn. Bhd. menawarkan kursus-kursus Asasi, Diploma, Sijil Kemahiran, Diploma Kemahiran.

University College Sabah Foundation (www.ucsf.edu.my) yang diuruskan oleh Uni YS Sdn. Bhd pula menawarkan kursus-kursus peringkat Ijazah, Diploma dan Sijil.

Kedua-dua institusi ini merupakan milik penuh Kumpulan Yayasan Sabah.

1. KTYS is a Public or Private Institution?

Answer:

KTYS is a Private Institution of Higher Learning (IPTS) established in 1990 in line with the main objectives of the Sabah Foundation embodied in the Sabah Foundation Enactment, No.8, 1966 Section 3, which emphasizes the advancement of Education, Training and Lifelong Learning for the people of Sabah while maintaining local value and culture of Sabah.

2. Who is the owner of KTYS?

Answer:

KTYS is wholly owned by the Sabah Foundation managed by KKYS Sdn. Bhd.

3. Where is KTYS located?

Answer:

KTYS is located in Kota Kinabalu, Sabah and has two (2) campuses, Sembulan City Campus, operating as the main campus running management programs and the Campus Technical Studies Campus, running technical programs and skills training.

4. Who is eligible for a loan / scholarship / scholarship at KTYS?

Answer:

All Malaysian Citizens with a background in KTYS are eligible to apply for loans from the Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Meanwhile, students born in Sabah and parents of applicants born in Sabah are eligible to apply either loans, scholarships or scholarships from Sabah Foundation.

In addition to the above sponsored agencies, KTYS students can also apply for any funding from any other agency. However, all applications are subject to the terms and conditions of the funding agency.

5. Does KTYS have Hostel facilities?

Answer:

KTYS provides hostel facilities and hostel rates according to the type of program of study (subject to period of study). Places are limited and priority is given to new students. However senior students who wish to have hostel facilities can apply to the Residential Unit.

6. What are the basic amenities provided by KTYS?

Answer:

The types of facilities provided by KTYS are as follows:

- Hostel
- Library
- Computer lab
- Cafeteria
- Surau
- Group insurance coverage
- Transportation

7. What services does KTYS provide to students?

Answer:

The types of services provided by KTYS to students are as follows:

- Guidance and Counseling Unit
- Industrial Training Unit
- Student Welfare Unit

Visit KTYS official web site or social site for information on the infrastructure.

8. What program of study is offered by KTYS?

Answer:

KTYS currently offers two (types) of study programs, as follows:

- Academic programs at certificate and diploma level
- Skills program at certificate and diploma level.

Program information offered can be found on the official website of KTYS at www.ktys.edu.my

9. Are the programs offered to be recognized?

Answer:

All programs conducted at KTYS are recognized by the Malaysian Qualifications Agency (MQA) subject to the Malaysian Qualifications Agency Act 2007 (Act 679). Please refer to the MQA website: <https://www2.mqa.gov.my/mqr/> and review as follows:

- Academic Program (please search the **Sabah Foundation Technical College** in the Private Institutions menu)
- Skills Program (please search the **Sabah Foundation Technical College** in the JPK Malaysia Skills List menu)

10. What is the minimum eligibility for admission to KTYS?

Answer:

Minimum eligibility to continue in KTYS is SPM Graduate with 3 credits in any subject or equivalent (depending on the course applied) EXCEPT for a Science Foundation requiring 5 credits including Mathematic and one Physical Science subject for Academic and Graduate programs PT3 or equivalent for the Skills program.

11. How does KTYS handle all student and alumni matters?

Answer:

Generally all student affairs including KTYS alumni are managed by the Student Affairs Department (JHEP). New Student Admissions are managed by the Marketing Department and all student registration matters are managed by the Academic & Skills Services Department (JPAK), including the provision of Student Cards, application materials, tuition and program transfer.

12. How do I apply for admission to KTYS?

Answer:

Visit www.ktys.edu.my and complete the online application form. Applicants can check application status within three (3) workind days.

13. When is the new student enrollment session at KTYS?

Answer:

New student enrollment sessions are subject to the following:

- The Academic Program Intake in December and June.
- The Skills Program is subject to the Intake Schedule and the Quota.

Applicants can submit their application through www.ktys.edu.my at any time of the year.

14. KTYS only accept Bumiputera status students?

Answer:

No. Admission to KTYS is open to all Malaysian citizens.

15. What is the difference between the Technical College of Sabah Foundation (KTYS) and the University College Sabah Foundation (UCSF)?

Answer:

Sabah Foundation Technical College (www.ktys.edu.my) managed by KKYS Sdn. Bhd. offering Basic courses, Diploma, Certificate of Skills, Diploma of Skills.

University College Sabah Foundation (www.ucsf.edu.my) managed by Uni YS Sdn. Bhd. offering degree, diploma and certificate courses.

Both institutions are wholly owned by the Sabah Foundation Group.